

**GARIS PANDUAN RUJUKAN KES BAHARU  
KE KLINIK ONKOLOGI, JABATAN RADIOTERAPI & ONKOLOGI  
INSTITUT KANSER NEGARA (IKN)**

---

1. Berkuatkuasa 2 Mei 2017, pihak IKN **TIDAK** lagi menerima **kes-kes rujukan walk-in** ke Klinik Onkologi.
2. **SEMUA** kes rujukan baharu daripada Hospital Kerajaan dan Hospital Swasta **hendaklah dirujuk kepada Pegawai Perubatan Onkologi Atas Panggilan yang bertugas atau Pakar Onkologi Atas Panggilan** (sekiranya rujukan adalah daripada Pakar).
3. **SEMUA RUJUKAN** hendaklah dilakukan oleh **pakar sendiri** atau **pegawai perubatan atas arahan dan dengan penyeliaan oleh pakar** daripada Hospital Kerajaan atau swasta yang merawat pesakit.
4. **Prosedur merujuk pesakit ke IKN oleh pegawai perubatan/pakar yang merujuk sama ada daripada hospital kerajaan atau swasta adalah seperti berikut:**
  - 4.1. **SEMUA SURAT RUJUKAN** hendaklah **dialamatkan kepada Pakar Onkologi Atas Panggilan** dan **terlebih dahulu dihantar melalui e-mel atau faks** supaya rujukan lengkap diperoleh **SEBELUM** penerimaan pesakit.

Alamat e-mel:        **iknonco@nci.gov.my**  
Telefon        :        **03-8892 5555**  
Faks        :        **03-8892 5609**

- 4.2. **SEMUA RUJUKAN** harus berdasarkan diagnosis histopatologikal dan **hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:**
  - (a) Sejarah klinikal, pemeriksaan fizikal dan diagnosis (termasuk *staging*);
  - (b) Keputusan siasatan berkaitan termasuklah salinan laporan patologi dan radiograf (sebaik-baiknya dalam bentuk *soft copy*); dan
  - (c) Rawatan yang diberikan setakat ini (termasuk senarai ubat-ubatan).
- 4.3. Pihak yang merujuk **hendaklah memastikan bahawa pesakit membawa SEMUA dokumen yang berkaitan** seperti Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Kad Pencen dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti Surat Pengesahan (GL) daripada majikan dan Sijil/Surat Nikah sekiranya pesakit merupakan warganegara asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia;
- 4.4. Selain itu, **panggilan telefon** kepada Pegawai Perubatan Onkologi atas panggilan hendaklah dibuat jika terdapat **isu-isu tertentu yang memerlukan pengesahan dan penjelasan** semasa proses rujukan;
- 4.5. **Butiran temu janji pesakit** akan diberitahu oleh pihak di Klinik Onkologi, IKN melalui **panggilan telefon** selepas dokumentasi rujukan diteliti oleh Pakar Onkologi atas panggilan dan didapati **LENGKAP**; dan
- 4.6. Sekiranya **temu janji yang segera (urgent)** diperlukan untuk rujukan baharu, pegawai perubatan/pakar yang merujuk boleh **menghubungi terus Pegawai Perubatan Pakar Onkologi atas panggilan**.